



Jawab semua soalan.

1. Rajah di bawah menunjukkan bilangan cawan dan piring yang dibeli oleh Puan Aini.



Nyatakan nisbah bilangan cawan kepada jumlah bilangan cawan dan piring.

- A 5 : 6 B 5 : 11
C 5 : 12 D 11 : 5

2. Terdapat 3 biji manik merah dan 5 biji manik hijau di dalam sebuah bekas. Nyatakan nisbah bilangan manik hijau kepada jumlah bilangan manik.

- A 3 : 5 B 5 : 3
C 5 : 8 D 8 : 5

3. Rajah di bawah menunjukkan garis lurus PQR .



Panjang QR adalah $\frac{2}{7}$ daripada panjang PR . Apakah nisbah panjang PQ kepada panjang QR ?

- A 2 : 5
B 2 : 7
C 5 : 2
D 7 : 2


4. Jadual di bawah menunjukkan bilangan buku ilmiah dan buku fiksiyen di sebuah rak buku.

Buku	Bilangan
Ilmiah	2
Fiksiyen	5


7 buah buku ilmiah diletakkan di rak buku itu. Nyatakan nisbah bilangan buku ilmiah kepada jumlah bilangan buku.

- A 5 : 7
B 7 : 5
C 9 : 14
D 14 : 9

5. Rajah di bawah menunjukkan bilangan epal dan oren yang dibeli oleh Samsuri.



15 biji epal



21 biji oren

3 biji oren itu didapati telah busuk. Dia menggantikannya dengan 4 biji epal lagi. Berapakah nisbah bilangan epal kepada bilangan oren sekarang?

- A 4 : 3
B 12 : 25
C 15 : 21
D 19 : 18